



# Tablet diberi terus kepada semua penerima Inisiatif PerantiSiswa

Oleh **Ilah Hafiz Aziz dan Ruwaida Md Zain** - September 3, 2022 @ 4:32pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

SHAH ALAM: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini mengumumkan kerajaan bersetuju untuk memberi terus tablet berjenama terkenal kepada semua penerima Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pemberian peranti itu sebagai penghargaan, sekali gus diharap menjadi pemangkin untuk penerimanya belajar bersungguh-sungguh sehingga meraih keputusan cemerlang.

"Umum mengetahui bahawa Inisiatif PerantiSiswa diberikan secara Konsep Guna Pakai (KGP) di mana mahasiswa perlu menyerahkan semula peranti itu setelah tamat pengajian.

"Namun, atas maklum balas memberangsangkan ketika sesi pertemuan antara Menteri Komunikasi dan Multimedia bersama wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 15 Ogos lalu, terdapat cadangan supaya ia diberi terus kepada mahasiswa yang mendapat keputusan cemerlang.

"Jadi, pelajar tidak perlu pinjam, tidak perlu pulangkan balik tetapi kerajaan akan bagi terus," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Fasa pertama Inisiatif PerantiSiswa terbuka kepada warganegara Malaysia kategori keluarga B40, iaitu pendapatan isi rumah RM4,850 dan ke bawah; sedang mengikuti pengajian sepenuh masa pada peringkat diploma, diploma lanjutan atau ijazah sarjana muda; serta tidak pernah menerima bantuan peranti daripada mana-mana program bawah kerajaan.

Pada fasa kedua pula, ia turut dibuka kepada pelajar sedang mengikuti program asasi serta matrikulasi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Tingkatan 6 dan program diploma vokasional, dengan permohonan dibuka hingga 30 September ini.

Ismail Sabri berkata, bagi memastikan proses pengajian pelajar B40 terus terpelihara, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM450 juta melalui Bajet 2022 bagi melaksanakan Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia.

"Majoriti pelajar yang menggunakan teknologi dalam urusan pembelajaran harian, menerima kesan positif dalam pembelajaran dan dapat menambah ilmu pengetahuan tanpa sempadan.

"Namun, terdapat pelajar yang kurang berkemampuan, adakala perlu meminjam peranti rakan atau terpaksa pergi ke pusat Internet di bandar semata-mata untuk menghadiri kelas dalam talian mahupun membuat tugas pengajian.

"Menerusi inisiatif ini, pelajar B40 akan menerima sebuah peranti berbentuk tablet yang boleh dimanfaatkan sepanjang proses pembelajaran sehinggalah mereka menamatkan pengajian nanti," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan, kerajaan juga bersetuju memanjangkan tempoh pendaftaran Pakej Remaja Keluarga Malaysia, bagi memastikan lebih ramai pelajar dan remaja memperoleh akses Internet untuk pembelajaran dalam talian di rumah tanpa kekangan data.

"Pada asalnya, pakej prabayar mampu milik khusus untuk golongan remaja serta pelajar, termasuk penuntut pascasiswazah ini diperkenalkan mulai Oktober 2021 dan dijadualkan tamat pada Oktober tahun ini.

"Justeru, keputusan memanjangkan tempoh ini diharap memberi peluang kepada lebih ramai remaja dan pelajar untuk melanggan Pakej Remaja Keluarga Malaysia yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan mudah alih," katanya.

Pada program itu, Perdana Menteri turut mengumumkan kerajaan akan meluaskan lagi penganjuran Program Jualan Keluarga Malaysia ke kampus institusi pengajian tinggi bagi memastikan kebajikan mahasiswa terpelihara.

"Penganjuran Program Jualan Keluarga Malaysia di kampus dapat mengurangkan beban mahasiswa berdepan tekanan harga barangan yang tinggi.

"Diharapkan juga dengan inisiatif-inisiatif daripada pihak kerajaan ini, kita sebagai Keluarga Malaysia akan terus teguh bersama serta mengetepikan perbezaan dan meraikan kebersamaan sebagai sebuah keluarga besar Malaysia," katanya.



Ismail Sabri berucap pada Majlis Pelancaran Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di UiTM, hari ini. - NSTP/Aswadi Alias